

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ASMAK BINTI HUSIN**

**TARIKH : 6 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 11**

**Puan Asmak Binti Husin** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menaik taraf sistem pengangkutan di Kelantan iaitu lebuhraya, kereta api dan lapangan terbang bagi menampung keperluan rakyat dan pelancongan negeri.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi **sektor darat**, antara projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di Kelantan adalah Projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai dan Central Spine Road (CSR). Projek ini bakal menjadi laluan alternatif yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna yang ingin menuju ke Pahang dan Kelantan apabila siap sepenuhnya kelak.

Projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai sepanjang 61.36km telah dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan jajaran yang dimulakan dari Pasir Hor ke Kok Lanas sepanjang 20.05km. Sebahagian daripada jajaran tersebut iaitu daripada Pasir Hor ke Kadok sepanjang 7km telah pun siap sepenuhnya pada Julai 2018 dan baki jajaran dari Kadok ke Kok Lanas sepanjang 13.05km dijangka siap secara berperingkat dalam RMKe-11. Jajaran sepanjang 140.3km telah diluluskan untuk pelaksanaan iaitu 123.8km di Pahang dan 16.5km di Kelantan. Pemilihan lokasi projek adalah berdasarkan aspek keselamatan dan kesesakan lalu lintas.

Pelaksanaan di Kelantan melibatkan jajaran dari Bulatan Gua Musang ke Mentara di sempadan Kelantan/ Pahang sepanjang 10.5km yang telah pun dimulakan pembinaan pada April 2018 dan dijangka siap pada Mac 2021.

Jajaran sepanjang 6km dari KM180.5 FT08 ke Bulatan Gua Musang telah pun ditender pada April 2018 dan pelaksanaan adalah tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.

Baki pakej yang masih belum dilaksanakan bagi CSR dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh *Rolling Plan* dan Rancangan Malaysia yang seterusnya.

Bagi Projek Lebuhraya Pantai Timur (LPT) 3, Kajian Kemungkinan Awalan projek telah disiapkan oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 2009. Hasil daripada kajian tersebut, cadangan jajaran yang dipilih adalah dari Kg. Gemuruh, Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147km melibatkan 3 daerah di Terengganu (Kuala Terengganu, Setiu dan Besut) dan 5 di Kelantan (Bachok, Pasir Putih, Tumpat, Pasir Mas dan Kota Bharu). Berdasarkan kajian tersebut, LPT3 ini berpotensi dilaksanakan secara kaedah penswastaaan. Pertimbangan sama ada Kerajaan akan melaksanakan projek LPT3 ini atau tidak akan ditentukan kemudian setelah perkara dasar yang melibatkan perancangan dan hala tuju projek penswastaaan lebuhraya bertol dimuktamadkan dan perkara tersebut sedang diteliti oleh Agensi Pusat.

Bagi **perkhidmatan kereta api**, pada masa ini Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah menyediakan 12 perkhidmatan tren antara bandar yang melalui sektor Pantai Timur antara Gemas dan Tumpat menggunakan stokereta konvensional iaitu lokomotif, koc dan *power generating car*.

Justeru, bagi meningkatkan perkhidmatan kereta api di Sektor Pantai Timur termasuk di Kelantan, KTMB merancang untuk memperkenalkan perkhidmatan Diesel Multiple Units (DMU) yang menggunakan 13 set DMU baharu mulai suku ketiga tahun 2019. Perancangan perkhidmatan ini mengambil kira penerimaan 13 set DMU baharu secara berperingkat mulai Oktober 2018 sehingga April 2019 serta tempoh masa bagi melaksanakan proses pengujian dan pentauliahan sebelum set DMU ini boleh dibenarkan untuk beroperasi.

Selain itu, projek menaik taraf landasan di sektor Pantai Timur antara Gemas dan Tumpat sedang giat dijalankan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019. Kemajuan terkini projek ini adalah seperti berikut:

<b>Pakej</b>	<b>Sektor</b>	<b>Status</b>
A	Gemas – Mentakab (122km)	Projek dimulakan pada April 2016 dan dijadualkan siap pada April 2019. Status kemajuan kerja sehingga Julai 2018 adalah 36%
B	Mentakab – Gua Musang (199km)	Projek dimulakan pada Jun 2016 dan dijadualkan siap pada Jun 2019. Status kemajuan kerja sehingga Julai 2018 adalah 53%
C	Gua Musang – Tumpat (206km)	Projek dimulakan pada Februari 2016 dan dijadualkan siap pada Januari 2019. Status kemajuan kerja sehingga Julai 2018 adalah 46%

Bagi **sektor udara**, Kerajaan mempunyai perancangan bagi menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) daripada 1.5 juta penumpang setahun kepada 4.0 juta menerusi Projek Menaik Taraf LTSIP yang telah diluluskan pada 29 Mac 2016 secara tender terhad dengan anggaran kos keseluruhan projek sebanyak RM483 juta. Walau bagaimanapun, dasar semasa Kerajaan adalah proses perolehan dilaksana secara tender terbuka bagi mendapatkan lebih nilai dan lebih telus. Proses tender terbuka akan dilaksana secepat mungkin selepas perbincangan dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi diadakan.

Antara skop projek ini melibatkan pembinaan bangunan terminal, dan fasiliti infrastruktur *airside dan landside*.